

GIATMARA MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPPIM)/CIDB bagi melaksanakan kerja- kerja berikut:

CADANGAN KERJA-KERJA NAIKTARAF BANGUNAN TRANSIT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI GIATMARA KENINGAU, SABAH.

NO SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TEMPOH DAN TEMPAT PENJUALAN SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKHTUTUP SEBUTHARGA
GM 542 / 122 / 03 / 2023	<p>TARIKH : 8 MEI 2023</p> <p>MASA : 10.00 PAGI</p> <p>TEMPAT : GIATMARA KENINGAU, KM 13, JALAN APIN-APIN KENINGAU, PETI SURAT 692, 89008 KENINGAU, SABAH.</p>	<p>TEMPOH PENJUALAN: 8 MEI 2023</p> <p>10.00 PAGI SEHINGGA 12.00 T/HARI SAHAJA</p> <p>TEMPAT PENJUALAN: GIATMARA KENINGAU, KM 13, JALAN APIN-APIN KENINGAU, PETI SURAT 692, 89008 KENINGAU, SABAH.</p>	<p>1. Kontraktor DIWAJIBKAN untuk membuat *pendaftaran secara atas talian dengan capaian pautan atau mengimbas QR kod seperti di bawah:</p>  <p>*kontraktor perlu memuat naik semua salinan lesen berkaitan di dalam pautan seperti di para 2.</p> <p>2. Kod Bidang Kerja Berkaitan: CIDB GRED : G1 KATEGORI : B PENGKHUSUSAN : 04</p> <p>3. PUKONSA KELAS F : TAJUK II (Tajuk Kecil 1: Kerja-kerja Pembinaan tidak Termasuk Struktur Rangka Konkrit Bertetulang)</p> <p>4. SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)</p> <p>5. SIJIL TARAF BUMIPUTERA DARI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR / BPKU</p> <p>PARA KONTRAKTOR DIINGATKAN AGAR MEMATUHI GARIS PANDUAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA SEPANJANG PROSES JUALAN SEBUT HARGA DIJALANKAN.</p>	RM 50.00	<p>TARIKH: 22 MEI 2023</p> <p>MASA: 12.00 T/HARI</p>

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan siji-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-

- Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia SSM.
- Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh CIDB & PUKONSA.
- Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB.
- Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari BPKU.

Satu (1) salinan SIJIL-SIJIL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan GIATMARA semasa mengambil dokumen. GIATMARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA tidak layak.

3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada tarikh dan waktu taklimat tapak. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebutharga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT/PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKAUN PENDAFTARAN SYARIKAT** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh GIATMARA semasa menghadiri taklimat sebutharga.

5. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.

6. GIATMARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. GIATMARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan Tajuk Kerja di sebelah kiri bahagian atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

PENGARAH GIATMARA NEGERI SABAH
LOT 13. TINGKAT 2,
LIKAS PLAZA, JALAN TUARAN LIKAS,
88400 KOTA KINABALU, SABAH

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga 22 MEI 2023 jam 12.00 tengahari

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh layari <http://www.giatmara.edu.my/>